



# Lembaga Minyak Sawit Malaysia

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

## NOTIS PEMBERITAHUAN

### PEMBEKUAN SEMENTARA LESEN KATEGORI PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT (DF)

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-133 dan YB Menteri Perladangan dan Komoditi (KPK) meluluskan pembekuan sementara permohonan lesen kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF).

**Pembekuan ini berkuatkuasa mulai 15 Ogos 2024 sehingga diberitahu kelak.**

Pembekuan adalah ke atas permohonan lesen baharu merangkumi pengambilalihan dan pindaan butiran lesen yang melibatkan pindah premis berlesen.

Pembekuan ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa semua pihak yang terlibat dalam rangkaian urusniaga buah kelapa sawit berjalan dengan lancar dan mengamalkan etika perniagaan yang adil dan telus serta mewujudkan persaingan secara sihat dan sama rata.

Walau apapun, semua permohonan lesen kategori DF yang diterima sebelum 15 Ogos 2024 akan diproses mengikut kriteria dan polisi pelesenan MPOB yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, harap maklum.